

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN

TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sedarkah Kementerian dilema yang dihadapi oleh bekas kakitangan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berkaitan isu perjawatan yang tidak adil dan tanpa arah tuju yang jelas di mana status diberi bertaraf kontrak, tangga gaji minimum P1TI, gaji pokok dipotong sehingga 60% dari gaji asal serta penempatan yang tidak jelas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Isu perjawatan kakitangan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang di peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Kementerian Pengangkutan (MOT) menjangkakan waran perjawatan akan diterima daripada MOF dalam masa terdekat (minggu ini) untuk tujuan tawaran berkhidmat ke perkhidmatan awam. Selaras dengan “prinsip rule of law”, urusan penawaran perkhidmatan tersebut perlu dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.
2. Perlu difahami bahawa kerajaan telah bersetuju semua kakitangan SPAD/SPAD Pro yang masih berkhidmat pada 31 Disember 2018 akan ditamatkan perkhidmatan berikutan pembubaran SPAD. Urusan pemindahan kakitangan SPAD / SPAD Pro ke perkhidmatan awam samada di MOT atau Jabatan di bawahnya tidak dapat dibuat secara tukar lantik mengikut Pekelling Perkhidmatan Bil 6/2016 kerana SPAD sebagai Badan Berkanun Diasingkan Saraan (BBDS) tidak diliputi oleh peraturan tersebut. Manakala kakitangan SPAD Pro sebagai sebuah syarikat sememangnya tidak diliputi oleh PP 6/2016 tersebut juga.
3. Oleh yang demikian, susulan penamatan tersebut, tawaran perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selanjutnya akan dikira sebagai suatu pelantikan baru dan tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan, syarat skim perkhidmatan seperti kelayakan akademik, pengalaman dan kaedah penetapan gaji, atau lain-lain mengikut peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.
4. Penawaran gaji di perkhidmatan awam tidak wajar dibanding dengan apa yang dinikmati di SPAD berdasarkan pakej saraan kedua-duanya adalah berbeza. Seperti dimaklumi, pakej saraan perkhidmatan awam sememangnya, secara umumnya lebih rendah berbanding pakej saraan SPAD yang berstatus BBDS dan tidak bersandarkan skim gaji kerajaan. Pakej saraan di bawah SPAD Pro yang berstatus syarikat pula sememangnya jauh lebih tinggi

NO. SOALAN: 40

daripada tawaran pakej saraan perkhidmatan awam. Justeru, harus disedari, pakej gaji perkhidmatan awam sememangnya sentiasa tidak dapat menyamai apatah lagi menandingi tawaran oleh sebuah BBDS apatah lagi oleh syarikat.

5. Walaubagaimanapun, diharap tawaran perkhidmatan ke perkhidmatan awam tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan "hard landing", dari segi memastikan sumber pendapatan berterusan, bagi kakitangan SPAD yang terlibat ditamatkan perkhidmatan susulan pembubaran SPAD ini.
6. Dari segi lokasi bertugas, penempatan adalah berdasatrkan keperluan perkhidmatan mengikut kekosongan jawatan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.